

14 AUG 2001

AGONG UTUS UCAP TAHNIAH KEPADA REPUBLIK KOREA

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah hari ini mengutus ucapan tahniah kepada Presiden Republik Korea Kim Dae-jung sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-56 negara itu, hari ini.

"Semoga kerajaan dan rakyat Republik Korea terus menikmati keamanan dan kestabilan bagi tahun-tahun akan datang," titah Seri Paduka dalam perutusan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan yang serupa kepada rakan sejawatannya Lee Han-Dong berkata hubungan dua hala antara kedua-dua negara telah meningkat sejak kebelakangan ini dalam pelbagai bidang terutama perdagangan dan pelaburan.

"Saya berharap hubungan rapat ini akan terus berkembang pada masa depan dan akan berusaha bagi meningkatkan lagi hubungan sedia ada untuk manfaat bersama antara kedua-dua negara dan rakyat," katanya.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam perutusan tahniahnya kepada Menteri Hal Ehwal Luar dan Perdagangan, Dr Han Seung-soo berkata kedua-dua negara telah lama menikmati hubungan rapat dan mesra.

"Skop kerjasama telah berkembang luas dengan prospek pertumbuhan yang besar pada masa depan. Semoga hubungan sedia ada dapat ditingkatkan untuk manfaat kedua-dua negara," katanya.

-- BERNAMA
LYM KHY LAT